

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
(KUDAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22.10.2015**

**Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah prospek ekonomi negara bagi tahun 2015 ini dan tahun-tahun mendatang dan apakah langkah-langkah menghadapi kelembapan berikutan prospek ekonomi global yang tidak menentu.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun dalam persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia, volitiliti pasaran kewangan serta kelembapan ekonomi serantau yang memberi kesan kepada ekonomi

negara. Dalam tempoh separuh pertama 2015, ekonomi negara mencatat pertumbuhan KDNK benar 5.3% disokong oleh pengukuhan permintaan domestik, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dari sudut penawaran, pertumbuhan disokong oleh pertumbuhan yang menyeluruh semua sektor ekonomi.

2. Penunjuk ekonomi utama terkini menunjukkan prestasi yang semakin baik. Eksport kasar yang mengalami pertumbuhan negatif 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2015 telah mula menunjukkan peningkatan pada bulan Julai hingga Ogos 2015 sebanyak 3.8% (Julai - Ogos 2014: 1.2%) disokong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan dan pertanian. Pada 30 September 2015, kedudukan rizab antarabangsa Malaysia juga meningkat RM415.1 bilion atau USD93.3 bilion yang mencukupi untuk menampung 8.6 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek berbanding 28 Ogos 2015 yang mencatat kedudukan rizab antarabangsa paling rendah (RM357.7 bilion; USD94.7 bilion; 7.4; 1.0). Manakala Indeks Pengeluaran Industri mencatat 5.2% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari - Julai 2015: 5.5%).

3. Dengan mengambil kira penunjuk ekonomi utama terkini serta persekitaran luar yang lebih mencabar dan pertumbuhan global yang sederhana prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2015 dijangka mencatat pertumbuhan stabil dalam lingkungan 4.5% hingga 5.5% disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan.

4. Ketidaktentuan kedudukan global masa ini memerlukan tindakan lebih responsif dan tegas. Dengan mengambil kira keadaan semasa, Kerajaan mengambil langkah untuk menangani dan mengurangkan sebarang impak global kepada ekonomi sebenar negara. Antara langkah tersebut termasuk:

a. Perkhidmatan gantian-import seperti perkhidmatan perkapalan, pelabuhan, pendidikan dan profesional dipromosi secara aktif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar;

b. Pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara disegerakan;

- c. Terminal keretapi Padang Besar dinaik taraf dan kecekapan proses import dan eksport ditambah baik;
  
- d. Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan berjumlah RM5 bilion kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perkhidmatan ditubuhkan;
  
- e. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Pelaburan (GLIC) digalakkan melabur dalam negara;
  
- f. Perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, penganjuran majlis dan mesyuarat serta perkhidmatan profesional dioptimumkan;
  
- g. Kajian semula pemberian dan geran kepada badan berkanun persekutuan, GLC serta Tabung Amanah Kerajaan yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab tinggi;
  
- h. Menjadualkan semula pembelian aset tidak kritikal terutamanya peralatan pejabat, perisian dan kenderaan;
  
- i. Mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui penangguhan cadangan kenaikan tarif elektrik pada tahun 2015; dan penangguhan cadangan kenaikan harga gas bagi sektor industri pada tahun 2015;

- j. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) pada 20 Ogos, yang akan melapor terus kepada YAB Perdana Menteri. JKE akan mempertimbangkan perancangan serta merta dan jangka sederhana bagi mengukuhkan lagi asas ekonomi Malaysia. Ini termasuk, isu semasa seperti nilai ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal; dan
- k. Memperkenalkan langkah proaktif pada 14 September sebagai inisiatif awal jangka pendek dan jangka sederhana untuk mengekalkan momentum pertumbuhan.

Tuan Yang Dipertua,

5. Prestasi ekonomi dijangka terus berkembang dengan mapan disokong dengan inisiatif strategik yang akan dibentangkan dalam Bajet 2016 pada esok hari 23 Oktober 2015.

6. Unjuran pertumbuhan pada tahun akan datang mengambil kira kebimbangan terhadap tahap kelembapan pertumbuhan negara membangun yang berkembang pesat, terutamanya China. Kemerosotan

ekonomi China yang merupakan ekonomi kedua terbesar dunia dan rakan dagangan terbesar negara akan memberi kesan kepada Malaysia. Selain itu, risiko lain yang perlu diambil kira adalah penurunan harga komoditi yang berterusan, volitiliti pasaran kewangan dan penyusutan nilai mata wang ekonomi membangun yang berkembang pesat. Meskipun Malaysia terdedah dengan perkembangan luar yang tidak menentu ini, pertumbuhan bagi tahun akan datang (2016 - 2020) dijangka dalam lingkungan 5% hingga 6% dipacu oleh permintaan domestik.